

PUTIKA IDEA DAN BAHASA LIRIK LAGU PATRIOTIK SERLAH PATRIOTISME WARGA MALAYSIA

**THE POETICAL IDEA AND LANGUAGE OF PATRIOTIC SONGS
LYRICS HIGHLIGHT THE PATRIOTISM OF MALAYSIANS**

Phat Awang Deng¹
Melor Fauzita Md Yusoff²
Maizatul Azura Yahya³

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,
(E-mail: phat@uum.edu.my)

²Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,
(Email: fauzita@uum.edu.my)

³Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,
(E-mail: maizatul@uum.edu.my)

Article history

Received date : 10-10-2023

Revised date : 11-10-2023

Accepted date : 24-11-2023

Published date : 15-12-2023

To cite this document:

Deng, P. A., Md Yusoff, M. F., & Yahya, M. A. (2023). Puitika idea dan bahasa lirik lagu patriotik serlah patriotisme warga Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (59), 94 – 101.

Abstrak: Sesebuah karya kreatif yang tahan diuji zaman sememangnya mempunyai keindahan idea dan bahasa yang tersendiri. Kemampuan penulis atau penyair memilih diksi yang berkesan, sesuai dengan makna (sama ada idea, tema, persoalan atau pemikiran) yang tersurat atau tersirat dalam karya, juga perlu selari dengan kemampuan khalayak ‘membaca’ atau mentafsir makna sesebuah karya itu. Hal ini kerana keperluan diri, nilai atau sistem dalam masyarakat sering berubah, dan pelbagai elemen diperlukan agar sesebuah lagu itu terus diminati. Oleh itu, karya popular yang memenangi anugerah atau sesuatu sayembara tidak semestinya bertahan ketika diuji perubahan dalam masyarakat. Dengan demikian, makalah ini bertujuan mengenal pasti keindahan idea dan bahasa lirik lagu patriotik Melayu, dan menjelaskan bahawa idea (makna tersirat dan tersurat) dan bahasa itu saling berkaitan untuk menyemarak nilai patriotisme seawal usia remaja. Kajian kualitatif dengan kaedah analisis kandungan digunakan untuk merungkai hal berkaitan dalam lirik lagu patriotik berlandaskan kerangka Puitika Sastera Melayu. Dalam perincian tentang “yang indah-indah sastera Melayu”, kerangka atau pendekatan ini menjalurkan beberapa elemen penilaian penting untuk khalayak mengukur serta memberi nilai kepada kedudukan sesebuah karya, misalnya melalui ‘tafsiran dan medan makna’, ‘dunia luas yang dipadatkan’, ‘mainan kiasan dan saranan’, ‘dunia berjodoh’, ‘sama ukuran’, muzik seiring kata’, dan ‘sesuai dan patut.’ Walau bagaimanapun, ruangan terbatas ini hanya menghadkan perbincangan tiga elemen sahaja, iaitu tafsiran dan medan makna, dunia luas dipadatkan, dan dunia berjodoh. Dapatkan kajian menunjukkan lirik lagu patriotik yang ringkas sarat dengan keindahan idea dan bahasa yang sesuai dengan makna yang diserahkan itu.

Kata kunci: Puitika sastera Melayu, lirik lagu patriotik, patriotisme

Abstract: An age-tested creative work definitely has its own beauty of ideas and language. The ability of the author or poet to choose an effective diction, in accordance with the meaning (whether it is an idea, theme, question or thought) expressed or implied in the work, also needs to be in line with the ability of the audience to 'read' or interpret the meaning of a work. This is because the needs of self, values or systems in society often change, and various elements are needed in order for a song to continue to be in demand. Therefore, an award-winning popular work or some competition does not necessarily survive when tested for change in society. Thus, this paper aims to identify the beauty of the idea and the lyrical language of Malay patriotic songs, as well as to clarify that ideas (implicit and explicit meaning) and language are intertwined to foster the value of patriotism as early as adolescence. Qualitative studies with content analysis methods are used to unravel related matters in the lyrics of patriotic songs based on the framework of Poetical Malay Literature. In the details of "the beautiful Malay literature", this framework or approach provides several elements of assessment for the audience to measure and give value to the position of a work, such as through 'interpretation and field of meaning', 'a vast world of compacts', 'figurative language and suggestions', 'the world of matchmaking', 'equal size', 'music along with words', and 'fit and proper.' However, this limited space only limits the discussion of three elements, namely the interpretation and field of meaning, the compacted vast world, and the matchmaking world. The findings showed that the lyrics of a simple patriotic song are loaded with the beauty of ideas and language that fits the meaning of the highlight.

Keywords: Poetical Malay Literature, Patriotic Songs Lyrics, Patriotism

Pengenalan

Kehidupan manusia tidak kira maju atau mundur tetap menggiatkan seni dan hiburan yang pelbagai bergantung kepada kecenderungan serta minat, warisan, penerimaan pengaruh luar, perubahan media atau sebagainya. Perubahan demi perubahan jelas memperlihatkan unsur pengaruhi-mempengaruhi sesama masyarakat manusia. Tradisi yang lebih mantap atau maju akan mempengaruhi kelompok atau mereka yang berada dalam keadaan yang masih primitif, kurang maju, atau tidak menguasai ruang politik dalam sesebuah lingkungan kehidupan, masyarakat, bangsa, malah negara. Dalam konteks ini, perkembangan sastera dan seni juga tidak ketinggalan telah berubah mengikut peredaran dan pengaruh itu, termasuklah hasil seni dan sastera yang merubah serlah kepelbagaian dan jati diri bangsa. Lirik lagu yang sarat makna (tersurat dan pentingnya tersirat) dan irama yang indah, misalnya jika dipilih guna dengan cermat dan penuh perancangan akan meninggalkan pelbagai kesan kepada individu, masyarakat dan negara. Arba'ie Sujud (1999) menyatakan "sesebuah lirik lagu yang didengar berulang-ulang boleh mempengaruhi jiwa dan menimbulkan kepelbagaian situasi seperti ketenangan atau sebaliknya menimbulkan kegelisahan kepada seseorang pendengar."(hlm. 1)

Oleh yang demikian, penerapan nilai-nilai bersama dalam sesebuah negara seperti Malaysia penting digerakkan agar setiap warga menerima kepelbagaian yang wujud antara mereka dengan orang lain. Walaupun "aspek yang menjadi kayu ukur kewujudan sesebuah negara bangsa ialah kesatuan bangsa, kesatuan ekonomi, kesatuan sosial dan kesatuan kebudayaan. Kesatuan bangsa tidak mungkin tercapai di Malaysia seperti yang wujud di negara-negara lain yang etnik asalnya membentuk majoriti 90% daripada keseluruhan penduduk." (Mohamad Saleeh Rahamad, 2015, hlm. 40). Namun, Mohamad Salleh Rahamad (2015) tetap menyatakan bahawa "kita masih memiliki ruang untuk membentuk negara bangsa dalam acuan sendiri dengan bersandar pada tiang seri kebudayaan." (hlm. 40) Oleh itu, pembinaan sesebuah negara

bangsa (Hasan Ahmad, 2009, hlm.123), khasnya yang berdasarkan letak duduk di alam Melayu memerlukan lima ‘tiang seri’ yang seumpama nilai penting, iaitu bahasa, agama, undang-undang, raja yang adil, dan kesetiaan rakyat terhadap negara.” Hujah digarapkan seumpama ini memandangkan peradaban Melayu yang membingkai kewujudan negara ini telah mencapai kedudukan budaya dan tamadun yang tinggi sebelum ini.

Tinjauan Literatur

Puitika idea dan bahasa lirik lagu penting kerana secara langsung dan tidak langsung mampu mengajak generasi muda merungkai dan menerima makna yang disampaikan. Hal ini kerana saranan perpaduan atau persefahaman yang diserahkan secara perlahan-lahan itu akan meresap dalam fikiran mereka. Berdasarkan beberapa kajian lepas, perbahasan tentang kandungan penyiaran dalam media elektronik pernah dilakukan oleh pelbagai pihak, misalnya Misliyah Rusli dan Shazlin Amir Hamzah (2016) yang merumuskan bahawa siaran media seperti Radio Asyik FM mampu meninggalkan kepada integrasi dalam kalangan masyarakat orang Asli (etnik Semai). Berdasarkan temu bual dan soal selidik, pengkaji mendapati bahawa kandungan jadual siaran dan giliran penyampai pada tahun 2014 itu mampu mewujudkan elemen integrasi nasional walaupun kemajuan dalam masyarakat itu berubah dengan agak perlahan. Dalam kajian tentang mesej pembangunan, perpaduan dan integrasi nasional dalam siaran Radio Malaysia Sabah pula, Mahat Jamal dan Abdul Rashid Salleh (2016) berpendapat Sabah FM perlu lebih kreatif menyiarkan mesej pembangunan, perpaduan kaum dan integrasi nasional kerana generasi muda cenderung memilih rangkaian lain. Oleh yang demikian, penyebaran lagu patriotik secara konsisten dalam media penyiaran kerajaan ataupun swasta sepatutnya digunakan atau ‘diarahkan’ sebaik mungkin oleh pihak berkuasa agar kandungan atau idea penyatuan diterima umum pada akhirnya.

Kajian oleh Mohd Azam Sulong (2015) mengakui bahawa “keindahan dan kehalusan seni kata akan menjelaskan unsur bunyi yang indah dan sedap didengar. Kesesuaian seni kata dan melodi mampu menghasilkan satu karya hebat yang boleh menakluki jiwa khlayak.” (hlm. 113). Selain itu, “penggunaan bahasa slanga mampu mencuri perhatian pendengar walaupun ianya menyimpang dari segi tatabahasa dan kehalusan bahasa,” (hlm. 113) manakala aspek komposisi lagu pula, lagu-lagu yang berkONSEP juga mampu menawan sanubari pendengar. Kemampuan penyanyi yang menyanyi dengan ekspresif mampu menjadikan sesebuah menjadi popular.” (hlm. 113).

Selain berfungsi sebagai medium penyebaran agenda kerajaan, usaha pemupukan integrasi serta perpaduan, lirik lagu yang ‘dipopularkan’ (disiarkan dengan kesedaran khusus) mampu mendokong idea perjuangan penulis dan khayak sasaran. Kajian Rahimah A. Hamid, Md. Salleh Yaapar dan Syahidatul Munirah Badrul Munir (2015), misalnya merumuskan bahawa lirik lagu perjuangan dalam media baharu seperti *Facebook*, *Youtube* dan blog berperanan menyatupadukan masyarakat Melayu-Islam Patani untuk mengharungi pelbagai cabaran serta pergolakan di Selatan Thailand. Idea pembebasan dan penyatuan bangsa dikongsi sebar melalui persefahaman bahasa dan agama yang sama dalam kalangan anggota masyarakat.

Perbincangan

Lirik lagu patriotik yang dipilih, khasnya yang dicipta bersempena peristiwa seperti sambutan hari kebangsaan, ulang tahun penubuhan Malaysia, atau perayaan tertentu diharapkan dapat membangkitkan kesedaran umum terhadap nilai dan tuntutan kenegaraan merentas sempadan kaum, bangsa dan agama. Walaupun ringkas, lirik lagu patriotik itu diharapkan menimbulkan kesan kepada pendengar menerusi penafsiran makna yang berbagai-bagai.” (Arba’ie Sujud,

1999, hlm. 2). Idea ini selaras dapatkan kajian oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) yang menerima bahawa setiap bait atau larik Dikir Barat karya Halim Yazid memberikan kesan berguna ke arah membentuk perlakuan dan moral positif bukan sahaja dalam masyarakat Kelantan. Hal ini kerana, Zurinah Hassan (2015) pernah merumus bahawa “sastera ialah isi hati dan pancaran nurani kaum yang melahirkannya, oleh itu mendekati sastera ialah jalan ke arah pemahaman yang lebih mendalam. Pemahaman ini diperlukan dalam membina hubungan dan mengukuhkan perpaduan, walaupun perpaduan rakyat bukan masalah sastera semata-mata dan bergantung juga pada tindak balas daripada faktor ekonomi dan politik.” (hlm. 375)

Walaupun perincian tentang “yang indah-indah sastera Melayu” (dalam Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh, 2006), khasnya bagi genre puisi mencangkupi ‘tafsiran dan medan makna’, ‘dunia luas yang dipadatkan’, ‘mainan kiasan dan saranan’, ‘dunia berjodoh’, ‘sama ukuran’, muzik seiring kata’, dan ‘sesuai dan patut,’ tetapi kertas ini hanya membicarakan tiga elemen berikut, iaitu:

Tafsiran dan Medan Makna

Berdasarkan perincian dalam Puitika Sastera Melayu, tafsiran dan medan makna dalam ‘yang indah-indah’ itu “merujuk suatu sifat cerita atau bahasa atau lukisan watak yang mengesani khalayaknya, termasuk perasaan sedih, hiba, rawan dan sebagainya.” (Muhammad Haji Salleh, 2006, hlm. 213). Selain itu, pengalaman luar biasa pembaca atau khalayak, serta pengalaman yang ‘idami’ penting untuk mengangkat kedudukan atau tahap keindahan sesbuah karya. Oleh itu, hal-hal yang diendahkan oleh penulis atau penyair akan membentuk keindahan, misalnya bunyi perkataan, bahasa, watak dan cerita dalam karya itu. Namun begitu, keindahan semua unsur di atas tidak sama atau tetap pada semua genre sastera. (Muhammad Haji Salleh, 2006).

Dalam lirik lagu “Malaysia Tercinta” diungkapkan bahawa “keluhan resah / tiada di jiwa”, “kami menerima jasamu / tak terbalas walau bergalang nyawa / demimu tetapku relakan.” Dengan kesedaran, keyakinan serta keberanian, baris ini menyerlahkan keindahan perjuangan atau kesanggupan mempertahankan nusa bangsa. Manakala baris lirik lagu berjudul “Malaysia Oh Tanah Airku”, diungkapkan luahan cinta negara, misalnya baris “Malaysia oh tanah airku / tanah tempat tumpah darahku / negeri elok amat kucinta” jelas menyerlahkan pengakuan bahawa watan ini merupakan tempat seseorang warganegara itu dilahirkan, dan secara khusus dirinya membayangkan sanggup berkorban untuk negara. Pengorbanan bakti, tenaga, waima nyawa jelas direlakan selaras baris “tanah tempat tumpah darahku.” Tanah ini bukan sahaja tempat dilahirkan, tetapi juga tempat seseorang berkorban apa sahaja untuk kelangsungan dan kedaulatan. Suasana rasa hiba, sedih, terhutang budi merupakan hal yang penting, diidamkan agar terserlah dalam baris lagu. Oleh itu, setiap warganegara diajak untuk sama-sama tersentuh dengan makna yang diserlahkan dalam baris lagu patriotik berkenaan.

Dunia Luas Dipadatkan

Penguraian oleh Muhammad Haji Salleh (2006) dalam Puitika Sastera Melayu berkenaan ‘dunia luas yang dipadatkan’ sebagai suatu hal bahawa “hasil seni yang memungkinkan pengalaman dunia yang besar, yang mengambil jangka waktu yang panjang, pergerakan fikiran yang perlahan atau berlarutan, yang akhirnya disimpulkan hanya dalam beberapa citra, baris dan perkataan.” (hlm. 217) Penjelasan ini bermakna, segala pengalaman manusia itu ‘dipadatkan’ atau dirumuskan secara ringkas dan padat. Usaha ke arah ini dapat dilakukan melalui pemilihan bahasa dan citra yang sesuai dengan idea, tema atau persoalan yang ingin

diserahkan oleh penulis atau penyair. Puisi seperti pantun dan peribahasa dianggap sesuai menjelaskan idea atau konsep ini.

Berdasarkan beberapa judul lirik yang dipilih, terkesan bahawa penulis lirik telah merumuskan inti pati atau makna keseluruhan secara ringkas dan padat. Dalam lagu berjudul “Sejahtera Malaysia”, iaitu pada rangkap akhir lirik itu ditemui baris “bersemarak Malaysia tercinta/kibarkan panji kebesarannya / kami rela menjaga namamu / sejahtera Malaysia”, dipadatkan makna di sebalik perlambangan panji kebesaran. Manakala dalam lagu “Malaysia Tercinta” ditemui citra zaman gerhana menyerlahkan suatu pemikiran atau makna yang perlu diberikan perhatian, misalnya:

Sehati dan sejiwa
Rakyat berbilang bangsa
Menuju ke arah satu cita
Keluhan resah
Tiada main di jiwa
Semuanya bergantikan ceria
Zaman gerhana jauh sudah
Ditinggalkan

Makna yang dipadatkan dalam baris “zaman gerhana jauh sudah / ditinggalkan” menegaskan sejarah lalu yang meresahkan semua warganegara. Penjajahan, persaingan, syak wasangka status kaum asing, manipulasi penjajahan menyebabkan ‘ketidakstabilan’ yang ‘direka-reka’ atau ‘disengajakan’. Hal ini kerana pihak penjajah yang sudi membebaskan negara ini tidaklah dalam erti kata yang benar-benar ikhlas. Zaman gerhana disengajakan agar kerisauan, ketakutan, wasangka negatif sesama penduduk negara ini dimanipulasi secara licik. Pendidikan, politik, ekonomi, dan struktur masyarakat diwajahkan dengan tujuan tersirat. Selain itu, lirik lagu berjudul “Malaysia Oh Tanah Airku”, juga memilih guna beberapa kata yang sarat dengan makna tersirat. Citra “sawahmu terbentang luas / tumbuhan-tumbuhan hijau merendang / bukitmu lurus terbentang” membawa khalayak untuk merenungi atau mencungkil makna yang pelbagai. “Sawahmu terbentang luas” merujuk kemakmuran, kekayaan, dan keterbukaan, “tumbuh-tumbuhan hijau merendang” tanda kedamaian dan keamanan, manakala bukitmu lurus terbentang sesuai memaknai bahawa asas adat budaya, keutuhan peribadi dan agama menjadikan negara ini begitu penting dipertahankan.

Oleh yang demikian, lirik lagu patriotik yang dilahirkan selepas kemerdekaan atau ketika usaha pengisianya hingga kini terus mengingkatkan warganegara agar terus sedar akan perkara ini. Wajah negara dalam semua aspek yang ada pada hari seharusnya disantuni dengan bijak. Perkara yang lepas dilihat sebagai panduan dan pengajaran. Perjuangan dan pengorbanan lalu, sama ada ia untuk kepentingan kaum, status kedudukan, hak istimewa semua pihak seharusnya dihormati oleh setiap warganegara. Oleh itu, lirik lagu seumpama ini penting disiarkan untuk penyerapan idea, kefahaman dan falsafah di sebalik pembentukan sebuah negara bangsa dalam acuan yang tersendiri seperti Malaysia.

Dunia Berjodoh

Pemahaman terhadap makna ‘dunia berjodoh’ yang disarankan dalam Puitika Sastera Melayu selaras idea bahawa alam atau diri manusia itu perlu difahami dalam dua konteks yang berasingan, namun kedua-duanya saling melengkapi atau menjelaskan satu sama lain (Muhammad Haji Salleh, 2006). Oleh itu, setiap genre sastera, sama ada prosa atau puisi

terdapat komponen atau belahan yang menggalaskan makna tertentu. Aspek fizikal (misalnya binaan rangkap, baris dan kata) yang digunakan sejak awal memberikan bayangan kepada makna yang ingin disalurkan oleh penulis atau penyair. Contohnya, perkataan pandan – badan, merpati – mati, selasih – kekasih, padi – budi, nenas – emas dan sebagainya. Sementara aspek dalaman pula, merujuk aspek elemen tersirat dalam dunia nyata (fizikal alam atau manusia) seperti akal, fikiran, dan perasaan yang terselindung atau mempunyai maksud tersembunyi. Oleh itu, sesebuah karya yang indah seharusnya ‘menyembunyikan’ atau menyerlahkan makna penting secara perlahan-perlahan selepas pembaca atau khalayak menelaah secara teliti. Dengan yang demikian, pembaca atau “khalayak bukan sahaja dianugerahkan imbangan atau keadaan saling lengkap-melengkapi antara alam dan manusia, tetapi juga antara dunia sekitaran luar dan dunia dalaman, dengan perantaraan perasaan dan fikiran manusia.” (Muhammad Haji Salleh, 2006, hlm. 226)

Berdasarkan beberapa baris lirik, persoalan tentang ‘dunia berjodoh’, dapat ditemui pada suatu sisi pemahaman diri manusia, keadaan masyarakat dan alam. Individu dalam penghuraian lirik lagu patriotik meluahkan rasa kesyukuran berikutan kedamaian, keamanan dan kemakmuran. Dalam lirik “Malaysia Sejahtera”, baris “puji dan syukur pada Ilahi / kedamaian / kemakmuran / kami junjung cita-cita luhur” dikaitkan idea bahawa setiap individu diajak lirik ini agar mengekang penindasan, ketegangan, malah kelalaian yang boleh menggugat ‘kebahagiaan’ Malaysia tercinta. Baris “dengan tekad untuk berjaya / kami junjung cita-cita luhur / seja sekata sehati sejiwa / kami sedia kami setia / berkorban untuk negara” menjelaskan hal mempertahankan nusa bangsa. Baris “kedamaian dan kemakmuran” dihubungkan dengan kesanggupan dan kerelaan dalam baris “kami junjung cita-cita luhur”, manakala baris “seia sekata sehati sejiwa” dirasai berkaitan atau menyerlahkan rentak irama dan makna dengan baris “kami sedia kami setia.”

Kesimpulan

Lagu patriotik Melayu yang diputar siar dalam pelbagai medium secara langsung dan tidak langsung meninggalkan kesan yang pelbagai kepada khalayak. Pemupukan semangat cinta kepada negara sekiranya disusun dengan strategi yang sesuai pasti meninggalkan kesan yang mendalam kepada semua pihak. Falsafah dan pemikiran dalam lirik lagu patriotik yang diresapi seawal usia muda, misalnya akan membantu meningkatkan persefahaman, dan penerimaan kepada kepelbagaian serta jurang perkauman dalam kalangan masyarakat yang pelbagai kaum, budaya dan agama. Hal ini kerana, idea dan bahasa dalam lirik lagu patriotik yang dianalisis ternyata mengajak setiap warganegara ini mempertahankan kelangsungan dan kedaulatan negara tercinta ini. Pelbagai tafsiran makna akan menjadikan lirik lagu ini relevan dengan pelbagai situasi yang berbangkit dalam usaha mempertahankan kedudukan dan kedaulatan, demikian juga elemen ‘dunia yang dipadatkan’ yang menjurus kepada kedalaman atau kepadatan idea yang dikongsikan. Seterusnya, elemen ‘dunia berjodoh’ dalam lirik lagu pula membuktikan kebijaksanaan penulis atau penyair menyusun kata atau baris yang berentak serta berkaitan makna dengan idea penting pada baris-baris berikutnya.

Penghargaan

Kertas ini adalah sebahagian daripada kajian di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia melalui *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS/1/2019/WAB04/UUM/02/1).

Rujukan

- Arba'ie Sujud. (1999). *Estetika dalam lirik lagu-lagu nyanyian P. Ramlee*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia. http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/9793/1/FBMK_1999_6_A.pdf
- Hassan Ahmad. (2009). Tamadun Melayu dan tamadun Malaysia. Dlm. Hashim Ismail & Raihanah Abdullah, (pnyt). *Permuafakatan dan kerukunan: Teras peradaban Malaysia*, hlm. 1-9. Akademi Pengajian Melayu & Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Mahat Jamal & Abdul Rashid Salleh. (2016). Radio Malaysia Sabah: Penyampaian mesej pembangunan, perpaduan etnik/kaum dan integrasi nasional di daerah Kota Kinabalu dan Kota Belud Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 4 (edisi khas Konvokesyen ke-18 UMS), 107-127.
- Ohlirik. (2021). *Malaysia oh tanah airku*. Dicapai daripada <https://ohlirik.com/lirik-lagu-malaysia-oh-tanah-airku-lagu-patriotik/>
- Ohlirik. (2021). *Malaysia tercinta*. Dicapai daripada <https://ohlirik.com/lirik-lagu-malaysia-tercinta-lagu-patriotik/>
- Ohlirik. (2021). *Sejahtera Malaysia*. (2021). Dicapai daripada <https://ohlirik.com/lirik-lagu-sejahtera-malaysia-lagu-patriotik/>
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. (2020). *Malaysiaku gemilang*. Dicapai daripada <https://spa.gov.my/spa/laman-utama/koleksi-dan-penerbitan/koleksi-audio/malaysia-ku-gemilang>
- Misliyah Rusli & Shazlin Amir Hamzah. (2016). Radio dan orang Asli: Menelusuri peranan Asyik FM di penempatan pedalama etnik Semai di Pos Titom, Lipis, Pahang. *E-Bangi Journal*, 11(2), 553-577.
- Mohamad Salleh Rahamad. (2015). Sastera teras peradaban negara bangsa. Dlm. Mohamad Salleh Rahamad & Rozlan Mohamed Noor, (pnylr.). *Sastera teras negara bangsa* (edisi kemas kini), hlm. 38-53. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Mohd Azam Sulong. (2015). Analisis melodi dan seni kata lagu terbaik industri muzik Malaysia, Indonesia dan Singapura tahun 2013. *Malaysian Music Journal*, 4(2), 91-116.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2016). Unsur amanat dan impak lirik dikir barat Halim Yazid. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEALS)*, 4, 67-80.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Puitika sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Amirah Che Soh & Che Ibrahim Salleh. (2014). Keindahan bahasa dalam lirik lagu P. Ramlee. *International Journal od the Malay World and Civilisation (Iman)*, 2(1), 103-111.
- Osman Bakar. (2009). Konsep tamadun Malaysia kesatuan dalam kepelbagaian. Dlm. Hashim Ismail & Raihanah Abdullah, (pnyt). *Permuafakatan dan kerukunan: Teras peradaban Malaysia*, hlm. 1-9. Akademi Pengajian Melayu & Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Rahimah A. Hamid, Md. Salleh Yaapar & Syahidatul Munirah Badrul Munir. (2015). Lirik lagu perjuangan Melayu-Islam Patani dalam media baharu: Suatu analisis. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 288-308.
- Zurinah Hassan. (2015). Pemajmukan sastera demi perpaduan. Dlm. Mohamad Salleh Rahamad & Rozlan Mohamed Noor, (pnylr.). *Sastera teras negara bangsa* (edisi kemas kini), hlm. 367-375. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

LAMPIRAN

Sejahtera Malaysia

Puji dan syukur pada Ilahi
 Anugerahnya tiada terhingga
 Kedamaian kemakmuran
 Malaysiaku bahagia

Dengan tekad untuk berjaya
 Berbakti pada nusa dan bangsa
 Kami junjung cita-cita luhur
 Perpaduan seluruh negeri

Seia sekata sehati sejiwa
 Menghadapi cabaran
 Kami sedia kami setia
 Berkorban untuk negara

Bersemarak Malaysia tercinta
 Kibarkan panji kebesarannya
 Kami rela menjaga namamu
 Sejahtera Malaysia

Malaysia Tercinta

Tanah air tercinta
 Ibu Pertiwi warisan bangsa
 Negaraku Malaysia bebas merdeka
 Lambang keamanan dan kemakmuran
 Bertekap dan berbakti
 Semangat waja gigih berusaha
 Sehati dan sejiwa
 Rakyat berbilang bangsa
 Menuju ke arah satu cita
 Keluhan resah
 Tiada main di jiwa
 Semuanya bergantikan ceria
 Zaman gerhana jauh sudah
 Ditinggalkan
 Malaysia tanah tercinta
 Budimu tinggi nilainya
 Kami menerima jasamu
 Tak terbalas walau bergalang nyawa
 Demi mu tetapku relakan
 Malaysia tercinta
 Tanah bertuah
 Jasa dan budi
 Tetapku sanjung tinggi
 Tetapku sanjung tinggi

Malaysia Oh Tanah Airku

Malaysia oh tanah airku,
 Tanah tempat tumpah darahku
 Negeri elok amat kucinta,
 Yang kupuja sepanjang masa
 Sawahmu terbentang meluas,
 Tumbuh-tumbuhan hijau merendang
 Bukitmu lurusnya terbentang,
 Tak jemu mataku memandang
 Sungguh indah di Malaysia,
 Negeri yang kaya raya
 Tempat pusat bermiaga,
 Terkenal di seluruh dunia
 Malaysia negeriku Malaysia,
 Pusaka tinggalan moyangku
 Tetap sentosa hidup merdeka,
 Malaysia oh tanah airku

Malaysiaku Gemilang

Marilah kita semua
 Atas nama negara bangsa
 Dengan tekad mulia
 Maju berwawasan
 Mencipta keagungan
 Berpadulah kita semua
 Di dalam satu suara
 Dengan degupan merdeka
 Menjulang budaya bangsa
 Untuk Malaysia tercinta
 Malaysiaku gemilang
 Merdekanya terbilang
 Berdaulat dan makmur
 Berjaya kami syukur
 Malaysia.. kebebasan kedamaian
 Malaysia.. kebahagiaan kebanggaan
 Malaysia.. cemerlang terbilang
 Malaysiaku gagah gemilang